

20/08/1998

BSKL catat peningkatan 8.81 peratus

BURSA Saham Kuala Lumpur (BSKL) melantun 8.81 peratus semalam apabila pelabur memberikan reaksi positif kepada kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan mungkin membeli saham untuk merangsang pasaran.

"Berlaku kegiatan membeli yang cergas apabila pelabur mengambil keputusan mencukupkan pegangan masing-masing selepas kenyataan Perdana Menteri itu," kata seorang penganalisis.

Ketika pasaran ditutup, Indeks Komposit naik 27.81 mata kepada 343.47, manakala Indeks Emas pula meningkat 6.78 mata kepada 88.22 mata. Indeks Perusahaan pula meningkat 49.56 mata kepada 701.93 manakala Indeks Papan Kedua naik 3.40 mata kepada 79.04 mata.

Peniaga berkenaan berkata, selain faktor kenyataan Perdana Menteri, pasaran juga didorong oleh faktor luaran termasuk kenaikan nilai yen Jepun berbanding dolar Amerika, prestasi lebih baik di Wall Street dan kenaikan di bursa utama serantau.

Keadaan itu menurut peniaga, merangsang minat pelabur membeli.

Ketua Penyelidikan SJ Securities Sdn Bhd, Peter Lim berkata, dalam suasana pasaran semasa, cadangan kerajaan itu sememangnya dialu-alukan pasaran.

"Harga saham kini adalah terlalu rendah, dan jika kerajaan bertindak demikian ia tentunya membantu menstabilkan semula harga, seterusnya memberikan rangsangan kepada ekonomi secara keseluruhan," katanya.

Beliau menegaskan, kesan penggandaan daripada campur tangan langsung kerajaan sangat besar jika diambil kira kesan kepada ekonomi secara keseluruhan.

(END)